

Perkhidmatan Penjelasan Dagangan RMB kini disediakan untuk anda

Rakan global anda untuk perdagangan
di China



Soalan Lazim

1. Adakah semua perniagaan di Malaysia layak untuk membuka akaun Penjelasan Dagangan RMB dengan HSBC? Apakah kriteria untuk membuka akaun tersebut?

Perniagaan yang menjalankan perdagangan dengan “Mainland Designated Enterprises” (MDE) boleh membuka akaun penjelasan RMB untuk menjelaskan pembayaran perdagangan mereka dalam RMB. Tertakluk kepada prosedur pembukaan akaun komersial. MDE merupakan perusahaan yang diluluskan oleh pihak berkuasa yang berkaitan seperti yang disyorkan oleh kerajaan di wilayah negara China.

2. Apakah manfaat yang boleh dinikmati oleh syarikat-syarikat Malaysia untuk menjalankan perdagangan dalam RMB?

Manfaat yang boleh dinikmati oleh pengimport dan pengeksporth China daripada pelonggaran risiko tukaran wang asing bermakna syarikat di Malaysia dapat menikmati harga yang lebih berdaya saing dan menguntungkan. Syarikat-syarikat di Malaysia yang lebih awal menyertai program ini akan mendapat manfaat yang lebih daripada segi keistimewaan sebagai penggerak pertama dan mendahului pedagang lain yang masih belum menyertai program ini. Peningkatan penyertaan dalam program perdagangan RMB akan mengukuhkan lagi hubungan perdagangan dua hala antara Malaysia dan China.

3. Apakah perkhidmatan RMB yang ditawarkan oleh HSBC kepada pelanggan komersial?

Perkhidmatan RMB yang boleh didapati termasuk:

- ▶ Akaun matawang asing RMB - pengendalian resit dan pembayaran keluar RMB mesti berkaitan pengendalian urusanniaga perdagangan dengan MDE.
- ▶ Pertukaran matawang – penukaran matawang antara RMB dan MYR atau matawang asing lain berdasarkan urusanniaga perdagangan sebenar.
- ▶ Untuk penukaran daripada MYR atau matawang asing lain ke RMB, penukaran yang dibenarkan adalah terhad kepada amaun urusanniaga perdagangan yang sebenar dan dibayar terus kepada MDE. Dana RMB daripada hasil jualan eksport boleh ditukarkan ke MYR atau matawang asing lain.
- ▶ Kiriman wang – pengiriman wang keluar dan masuk terhad kepada amaun urusanniaga perdagangan yang sebenar.
- ▶ Perkhidmatan Perdagangan – termasuk Surat Kredit, Jaminan Bank, Surat KreditTunggu Sedia, Kutipan Berdokumen (Dokumen bersandarkan Pembayaran (DP), Dokumen bersandarkan Penerimaan (DA), membuka akaun perdagangan – terhad kepada amaun urusanniaga perdagangan sebenar dan dibayar terus kepada MDE.

4. Bolehkah syarikat Malaysia menghubungi penghantar (forward) penukaran matawang asing tentang RMB?

Perlindungan nilai hadapan tidak dibenarkan pada peringkat perintis tetapi syarikat Malaysia boleh membeli RMB terlebih dahulu daripada pembayaran keluar perdagangan yang sah kepada MDE terhad kepada amaun urusanniaga perdagangan sebenar. Bukti urusanniaga perdagangan yang sah diperlukan dan tertakluk pada budibicara pihak Bank.

5. Adakah HSBC mengenakan bayaran untuk perkhidmatan RMB baru ini?

Tertakluk pada Tarif Komersial yang sedia ada. Untuk Tarif Komersial terkini kami, sila layari: www.hsbc.com.my/commercial

6. Adakah sebarang sekatan terhadap amaun maksimum bagi setiap pengiriman wang RMB?

Tiada sebarang sekatan terhadap amaun maksimum bagi setiap pengiriman wang RMB tetapi urusanniaga transaksi wang mestilah berkaitan dengan perdagangan sebenar dan terhad kepada amaun perdagangan sebenar.

Soalan Lazim (sambungan)

7. Adakah sebarang sekatan terhadap deposit/pengeluaran daripada akaun Penjelasan Dagangan RMB?

Deposit lazimnya diperoleh daripada hasil kutipan eksport RMB dan pembayaran keluar berkaitan pembayaran urusan perdagangan dengan "Mainland Designated Enterprises" (MDE). Deposit RMB boleh ditukar kembali kepada MYR atau matawang asing lain.

8. Bolehkah syarikat mendapatkan perkhidmatan Penjelasan Dagangan RMB selain daripada bandaraya terpilih di Tanah Besar China?

Pada masa ini, skim ini hanya pada peringkat perintis dan hanya sah dilakukan di bandaraya terpilih di Tanah Besar China seperti Shanghai, Guangzhou, Shenzhen, Dongguan dan Zhuhai. Yang penting, syarikat harus mengetahui rakan niaga yang mana di Tanah Besar China layak untuk membayar atau menerima RMB ke/dari luar Tanah Besar China.

9. Bolehkah syarikat melakukan Penjelasan Dagangan RMB dengan syarikat di Tanah Besar China yang tidak dipilih untuk skim ini?

Skim ini baru di peringkat perintis lagi. Jadi, hanya dihadkan di MDE sahaja.

10. Bagaimanakah HSBC boleh memastikan bahawa pemindahan RMB yang diterima dijana oleh MDE?

Dana yang diterima haruslah merupakan Penjelasan Perdagangan RMB dari MDE.

11. Di bawah keadaan bagaimana HSBC memberi nasihat Surat Kredit RMB (DC) dari rakan niaga di Tanah Besar?

Tiada sekatan dalam memberi nasihat Surat Kredit eksport RMB daripada bank koresponden di Tanah Besar China. Namun begitu, mereka yang menjalankan perdagangan harus yakin bahawa rakan niaga mereka di China boleh membayar dan menerima RMB.

12. Apakah cara perdagangan yang dibenarkan di bawah skim ini?

Cara perdagangan biasa memang dibenarkan di bawah skim ini, termasuk Surat Kredit (DC), Kutipan Berdokumen (Dokumen bersandarkan Pembayaran-D/P dan Dokumen bersandarkan Penerimaan-D/A), Jaminan Bank, Surat Kredit Tunggu Sedia dan perdagangan akaun terbuka.

13. Bagaimanakah syarikat boleh mengetahui sama ada rakan niaga mereka adalah MDE? Di mana saya boleh dapatkan senarai MDE ini?

Syarikat perlu mendapatkan kepastian dari rakan niaga mereka di Tanah Besar China tentang kelayakan rakan niaga mereka dalam pembayaran atau penerimaan RMB ke atau dari Tanah Besar China. Disebabkan MDE diluluskan oleh pihak berkuasa berkenaan seperti yang disyorkan oleh kerajaan wilayah di China, MDE boleh menyemak dengan pihak berkuasa wilayah masing-masing ataupun menghubungi bank-bank di Tanah Besar China seperti HSBC China.

14. Adakah syarikat dibenarkan membuka akaun RMB terlebih dahulu sebelum menjalinkan hubungan dengan MDE?

Ya. Tetapi, urusan niaga RMB tidak boleh dibuat sebelum urusan eksport/import dengan MDE dilakukan dan akaun anda mungkin akan ditutup jika tiada urusan niaga perdagangan dilakukan dengan MDE apabila tiba masanya.

15. Apabila dana RMB diterima oleh syarikat Malaysia, adakah sebarang sekatan dikenakan atas pemindahan dana seterusnya?

Dana RMB yang diterima dari hasil kutipan perdagangan boleh disimpan dalam akaun RMB untuk pembayaran akan datang atau ditukar kepada MYR atau mata wang asing lain.

Nota: Maklumat yang diberi dalam halaman Soalan Lazim ini berdasarkan pemahaman terhadap keperluan skim perintis yang sedang dijalankan termasuk maklumat yang diperolehi daripada sumber pihak ketiga dan tertakluk pada perubahan tanpa notis terlebih dahulu. Bank percaya maklumat ini boleh dipercayai tetapi tidak akan memberikan jaminan, representasi atau waranti dan tidak akan bertanggungjawab atau menanggung liabiliti atas ketepatan atau kesempurnaannya

Commercial Banking



Bank sedunia memahami hasrat setempat